



# **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN BENGKEL DASAR KETERANGKUMAN  
GENDER (DKG) DAN GENDER RESPONSIVE AND  
PARTICIPATORY BUDGETING (GRPB) MAJLIS BANDARAYA  
SEBERANG PERAI**

**TARIKH / MASA / TEMPAT  
21 SEPTEMBER 2020 (ISNIN)  
9.00 PAGI**

**IXORA HOTEL  
JALAN BARU PERAI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Mahmod**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ms Ong Bee Leng**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Penang Women's Development Corporation

**Puan Haziqah Nasirah binti Zol Bahari**  
Pengurus Program Keterangkuman Gender  
Penang Women's Development Corporation

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Para Peserta Bengkel**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berkumpul pada pagi ini dalam Bengkel Dasar Keterangkuman Gender (DKG) dan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) Majlis Bandaraya Seberang Perai yang dianjurkan oleh Bahagian Latihan Dan Kompetensi, Jabatan Khidmat Pengurusan MBSP dengan kerjasama *Penang Women's Development Corporation* (PWDC).

Saya berasa syukur dan bangga kerana program bengkel ini dijalankan dengan memastikan tatacara atau norma baru dalam perjalanan bengkel dalam menanggani isu pandemik COVID-19. Yang pasti, kita tidak boleh berasa selesa kerana setiap hari masih terdapat kes-kes baru yang terjadi. Justeru, untuk memastikan Pulau Pinang sentiasa berada dalam zon hijau, marilah sama-sama kita mengamalkan norma baru dalam kehidupan kita dengan penjarakkan sosial dan memakai pelitup muka serta *hand sanitizer*.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kesudian Ms Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC dan Puan Haziqah Nasirah binti Zol Bahari, Pengurus Program Keterangkuman Gender PWDC yang sudi hadir dan menjadi fasilitator bengkel ini. Terima kasih juga kepada keseluruhan pasukan PWDC yang telah bertungkus-lumus menyatukan idea, keringat dan usaha dalam menzahirkan program pada pagi ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada para peserta bengkel yang terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Puan Setiausaha Bandaraya dan juga Pegawai-Pegawai Kanan MBSP yang mengambil bahagian dalam menjayakan objektif bengkel ini.

MBSP sentiasa bergerak dalam satu pasukan dan akan sentiasa meletakkan kehendak warga Seberang Perai di hadapan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk kesejahteraan dan kemakmuran penduduk agar sentiasa dekat di hati. Seberang Perai akan ke arah menjadi sebuah bandar yang mampan dan lestari kerana didokong oleh sikap bersedia melakukan perubahan, bersatu hati dan berganding bahu.

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Dasar Keterangkuman Gender telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Tuan Chow Kon Yeow pada 7 Mac 2019 selaras dengan Visi *Penang2030*. Pulau Pinang mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi satu-satunya negeri di Malaysia yang meluluskan Dasar Keterangkuman Gender ke dalam dasar, program dan amalan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dasar Keterangkuman Gender memberi peluang yang sama dalam pelantikan di semua peringkat pembuat keputusan dan pelaksanaan mengikut nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan baki 20% terbuka kepada kedua-dua lelaki dan wanita yang berkelayakan. Ini akan mengelakkan komposisi satu gender untuk melebihi 60% dan dominasi satu gender sebagai pembuat keputusan. Dasar ini haruslah diperluaskan ke dalam semua sektor kerajaan dan swasta.

MBSP telah mengambil langkah awal pelaksanaan Keterangkuman Gender melalui *Gender Responsive & Participatory Budgeting* (GRPB) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012. GRPB merupakan suatu pendekatan atau metodologi yang mesra gender dan memastikan sumber-sumber yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri dapat menjamin keseimbangan sosial dan ekonomi untuk rakyat. Pendekatan ini boleh menjadi salah satu asas

dalam mencapai visi Penang 2030 dan juga *Sustainable Development Goals* (SDG) untuk menggalakkan penyertaan awam bagi projek serta program yang dijalankan oleh MBSP.

GRPB berjaya menghubungkan masyarakat dengan MBSP. Di samping itu, ianya memperkasakan rakyat untuk menjadi rakan kongsi yang celik dalam menyuarakan hak dan keperluan mereka. Pada masa yang sama, mereka menggalas tanggungjawab bagi menjaga persekitaran tempat tinggal mereka serta kemudahan awam yang telah disediakan. Justeru itu, Keterangkuman Gender, sebagai struktur sokongan GRPB, akan dapat mempercepatkan proses dalam merealisasikan visi Penang 2030.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP meletakkan “inclusiveness” dalam Visi yang mennunjukkan komitmen tertinggi untuk melaksanakan kesaksamaan dan member perhatian kepada semua kumpulan masyarakat.

MBSP telah menubuhkan Unit Keterangkuman Gender yang pertama di Malaysia bagi memastikan keseimbangan gender di MBSP mengikut nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka kepada lelaki dan wanita dan ia ditempatkan di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan. MBSP telah mencapai kejayaan dalam pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender, terutamanya di Peringkat Pengurusan dan Profesional dan Peringkat Kumpulan Pelaksana I. Di peringkat Pengurusan dan Profesional, bilangan pegawai wanita adalah 30 orang (43%) dan pegawai lelaki sebanyak 39 orang (57%). Di peringkat Kumpulan Pelaksana I (Gred 17 – 40) pula bilangan kakitangan wanita adalah 465 orang (47%) dan pegawai lelaki adalah sebanyak 529 orang (53%). Walau bagaimanapun, di peringkat Kumpulan Pelaksana II (Gred 1 – 16) bilangan kakitangan wanita adalah 68 orang (2%) dan kakitangan lelaki adalah 2,817 orang (98%). Ini adalah memandangkan di bawah Kumpulan Pelaksana II, kebanyakkan kakitangan adalah terdiri daripada buruh lelaki yang bekerja di lapangan.

MBSP adalah Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama memperkenalkan Juru Bahasa Isyarat untuk menterjemah perbincangan mesyuarat dan program-program yang lain. MBSP juga telah memberi award projek Perkhidmatan Kerja Pembersihan AM (KPA) dan Perkhidmatan Pungutan Sampah (PPS) di Pulau Aman dan Pulau Gedong kepada Kelab Wanita Aktif dan Cergas Pulau Aman bermula pada 01

Januari 2018 hingga 30 Jun 2018 selama enam bulan untuk tempoh percubaan dan telah dilanjutkan selama 18 bulan bermula 01 Julai 2018 hingga 31 Disember 2019. Kontrak ini seterusnya dilanjutkan lagi dari 01 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2021.

MBSP juga menyediakan dua belas (12) tempat letak kereta bagi wanita mengandung, tiga puluh (30) tempat letak kereta bagi ibu yang membawa anak untuk dihantar ke tadika yang terdapat di Menara MBSP dan penyediaan bilik laktasi untuk kegunaan orang awam atau kakitangan wanita di MBSP. Kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) juga telah dititikberatkan seperti kemudahan tandas di Kaunter Berpusat, penyediaan *railing*, penyediaan tempat letak kereta OKU dan lain-lain. MBSP telah bersetuju untuk membuka kaunter bagi melaporkan kes-kes keganasan rumah tangga.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Bengkel Dasar Keterangkuman Gender (DKG) Dan Gender *Responsive And Participatory Budgetting* (GRPB) Majlis Bandaraya Seberang Perai yang akan diadakan sebentar lagi adalah satu program kerjasama *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) dan Majlis

Bandaraya Seberang Perai (MBSP). PWDC adalah merupakan agensi pelaksana Dasar Keterangkuman Gender di Pulau Pinang dan agensi ini bertanggungjawab untuk membangunkan sebuah pelan tindakan yang komprehensif bagi keterangkuman gender dan bajet penyertaan rakyat. Tujuan bengkel adalah untuk berkongsi pandangan dan pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pelaksanaan projek-projek atau program-program GRPB yang berpotensi oleh MBSP.

Bengkel ini melibatkan penyertaan Pengurusan Tertinggi MBSP, Ahli-Ahli Majlis MBSP dan Pegawai Jabatan Dalaman MBSP. Kesemuanya melibatkan 49 peserta dan Puan Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif dan Puan Haziqah Nasirah binti Zol Bahari, Pengurus Program Keterangkuman Gender daripada *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) akan menjadi fasilitator bengkel ini.

Modul bengkel ini akan menumpukan kepada Pengenalan Dan Fungsi PWDC, Dasar Keterangkuman Gender, Penginstitusian GRPB Di MBSP dan Pelaksanaan Projek / Program GRPB Bersama Komuniti. Melalui bengkel ini peserta yang hadir terutamanya pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Professional lantikan baru dapat memahami Dasar Keterangkuman Gender (DKG) yang telah digariskan oleh PWDC sekaligus dapat

mengaplikasi dasar berkenaan dalam melaksanakan projek-projek atau program-program yang berkaitan MBSP dan penduduk Seberang Perai.

Adalah diharapkan di akhir bengkel ini setiap peserta yang hadir dapat memahami Dasar Keterangkuman Gender (DKG) yang telah digariskan oleh PWDC sekaligus dapat mengaplikasikan dasar berkenaan serta menerapkan setiap elemen-elemen dalam Dasar Keterangkuman Gender ketika melaksanakan projek-projek atau program-program yang berkaitan MBSP dan masyarakat / penduduk di Seberang Perai dengan lebih berkesan.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta bengkel di atas komitmen serta sumbangsan dalam bentuk percambahan idea untuk menjayakan bengkel ini. Saya berharap bengkel ini akan berjaya mencapai objektif utamanya. Terima Kasih, *Xie Xie, Nandri, Thank You* semua dan marilah kita raikan ulang tahun pertama Bandaraya Seberang Perai dengan penuh gembira dengan tidak melupakan SOP Pandemik Covid 19. Akhir kata, Selamat Hari Bandaraya buat semua.

**Sekian,    *Wabillahi Taufik Wal Hidayah,*    *Wassalamualaikum***  
***Warahmatullahi Wabarakatuh.***